

NO. SOALAN: 70

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN
BIN HAJI MOHAMAD [LIPIS]**

DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [LIPIS] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah pihak Kementerian sentiasa melakukan pemantauan supaya kawalan harga di pasaran tidak membebankan pengguna.

JAWAPAN:

Kementerian ini amat peka dan sentiasa membuat pemantauan terhadap harga barang di pasaran. Selain daripada pegawai penguatkuasa yang membuat pemantauan dan penguatkuasaan secara berterusan, Kementerian juga telah melantik seramai 1,219 Pegawai Pemantau Harga di seluruh Malaysia untuk menjalankan tugas-tugas pemantauan harga barangan di pasaran pada setiap hari secara berkala bagi memastikan bahawa barangan yang mencukupi dan mengawal kenaikan harga barangan yang tidak munsubah.

Tugas utama Pegawai Pemantau Harga ialah mengumpulkan maklumat mengenai harga dan bekalan barang-barang keperluan setiap hari untuk direkodkan. Pemantauan harga oleh pegawai ini akan dilaksanakan di seluruh negara secara berperingkat meliputi kawasan bandar dan luar bandar iaitu di premis perniagaan seperti pasar, kedai runcit, pasaraya dan *hypermarket*.

Maklumat-maklumat daripada pegawai ini akan dianalisis dan disalurkan ke pangkalan data yang komprehensif di peringkat pusat. Analisis dan perbandingan harga itu kemudiannya akan menjadi panduan yang penting kepada orang ramai. Maklumat mengenai harga barangan boleh didapati di dalam portal 1Malaysia Pengguna Bijak, (*Price Watch*). Oleh yang demikian, orang ramai sebagai pengguna yang bijak boleh melayari atau meneliti harga barang sebelum membeli di kedai atau pasaraya tertentu.

ahlinya untuk mendaftar dengan i-Akaun bagi memudahkan urusan dengan KWSP seperti kemudahan untuk semakan penyata serta lain-lain transaksi yang akan diperkembangkan lagi seperti e-Pengeluaran.